

**Najib: Astro Sedang Pasang Perkhidmatan Satelit Percuma Di Setiap Pusat Jagaan Berdaftar**  
**Bernama**  
**29 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- ASTRO sedang melengkapkan perkhidmatan satelit ASTRO percuma di setiap pusat jagaan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dengan produk dan perkhidmatan 1Malaysia itu, warga emas dapat memanfaatkan masa lapang mereka dengan mendapat informasi terkini, hiburan dan sukan melalui rancangan tv dan radio, katanya di program Karisma Warga Emas di Rumah Sejahtera, Seri Kembangan dekat sini Isnin malam.

Tambah beliau, warga emas juga memerlukan beberapa aktiviti untuk mengisi masa dan mendapat maklumat terkini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669287>